

558:

MAHATHIR-KESATUAN

1974

KUALA LUMPUR, 16 NOV (BERNAMA)-- MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD BERKATA HARI INI BELIAU SEDIA BERUNDING MENGENAI MASAALAH TUNTUTAN PARA GURU HANYA MENERUSI KESATUAN MEREKA9

TUNTUTAN ATAU PERMINTAAN DARI GURU PERSEORANGAN ATAU GOLONGAN GURU TERTENTU YANG TIDAK SAH TIDAK AKAN DILAYAN OLEH KERANA KATANYA.

+HANYA MELALUI KESATUAN GURU SAHAJA, SEGALA PERMINTAAN ATAU TUNTUTAN AKAN SAYA LAYANI DAN CUBA MEMBUAT KEPUTUSAN MANASABAH DAN SEDERHANA BAGI MEMUASKAN PIHAK GURU DI SAMPING MENJAGA KEPENTINGAN NEGARA,+ TAMBAHNYA.

MENTERI ITU BERUCAP DEMIKIAN SEMASA MERASMIKAN PERSIDANGAN PERWAKILAN TAHUNAN PERTAMA KESATUAN PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN (KPPK) DI DEWAN MTUC DI PETALING JAYA DI SINI. --BERSAMBUNG 1502/MD

559:

MAHATHIR-KESATUAN 2 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR BERKATA, BELIAU SERING MENERIMA ROMBONGAN TERDIRI DARI GURU PERSEORANGAN ATAU GOLONGAN TERTENTU YANG MENGEMUKAKAN MASAALAH MASING-MASING TETAPI DUKACITA IA TIDAK DAPAT DILAYAN KERANA TIDAK MENERUSI KESATUAN.

MEMANDANGKAN HAL ITU, BELIAU MENCADANGKAN KESATUAN-KESATUAN KECIL BERGABUNG DALAM SATU KESATUAN BESAR DAN TUNGGAL SEPERTI KESATUAN PERKHIDMATAN PERGURUAN SUPAYA SEGALA MASAALAH DIPERTIMBANGKAN DENGAN CEPAT DAN MUDAH.

DR. MAHATHIR MENJELASKAN GABUNGAN SEUMPAMA ITU SANGAT PENTING BAGI MENGGALAKKAN PERPADUAN DIANTARA GURU YANG MERUPAKAN PENGARUH BESAR DI KALANGAN MURID-MURID.

BELIAU MENINGATKAN GURU-GURU DAN IBUBAPA SUPAYA JANGAN +MENANGGUK DI AIR KERUH+ BAGI KEPENTINGAN TERTENTU SEPERTI MENGGALAKKAN MURID-MURID MEMULAUKAN KELAS ATAU MENJALANKAN LAIN-LAIN +TINDAKAN LIAR+. -- BERSAMBUNG 1619/AI

130
MAHATHIR - KESATUAN 3 KUALA LUMPUR

DI SEBALIKNYA GURU-GURU HENDAKLAH MENAMBAH PENGETAHUAN DALAM BIDANG-BIDANG AKADEMIK DAN IKTISAS. DI SAMPING MEMPERJUANGKAN KEPENTINGAN MEREKA SEPERTI MENDAPATKAN SYARAT PERKHIDMATAN ATAU TANGGA GAJI YANG LEBIH BAIK.

MEREKA HENDAKLAH SENTIASA SEDAR TENTANG PERUBAHAN DALAM ISI KURIKULUM DAN KAEDAH MENGAJAR SELARAS DENGAN PERKEMBANGAN PESAT NEGARA INI.

BAGAIMANAPUN, DR. MAHATHIR MENEKANKAN BAHAWA KELULUSAN AKADEMIK SEMATA-SEMATA BELUM MENJAMIN SESEORANG GURU ITU BAIK SEHINGGA IA DAPAT MENYAMPAIKAN ILMU PENGETAHUAN KEPADA MURID-MURID DENGAN LEBIH POSITIF.

KATANYA, GURU-GURU SEHARUSNYA MEMPUNYAI SIFAT-SIFAT KEMULIAAN BAGI MENJAMIN KETINGGIAN PROFESYEN PERGURUAN. --BERSAMBUNG 1512/MD

561:
MAHATHIR - KESATUAN 4 KUALA LUMPUR

GURU-GURU HENDAKLAH MENGAMALKAN SIKAP SEDERHANA DALAM PERHUBUNGAN SEHARI MEREKA SUPAYA DIHORMATI OLEH MURID-MURID.

+PERHUBUNGAN YANG TERLALU +BUSINESS-LIKE ATAU TERLALU LEMBUT HENDAKLAH DIELOKKAN, + KATANYA:

BELIAU MENERANGKAN, SIKAP BUSINESS-LIKE AKAN MENGENEPIKAN UNSUR KEMANUSIAAN SEBALIKNYA TERLALU LEMBUT PULA AKAN MEROSAKKAN DISIPLIN.

PRESIDEN KONGRES ANTARABANGSA BAGI KESATUAN SEKERJA BEBAS (ICFTU), ENCIK P.P. NARAYANAN

MENGGESE KPPK MENGAMBIL PERANAN LEBIH AKTIF DALAM SEMUA PERKARA PELAJARAN YANG MELIBATKAN BERIBU-RIBU PELAJAR SEPERTI KECICIRAN MURID-MURID, PERTUKARAN BUKU TEKS DAN PENAGIHAN DADAH.

-- BERSAMBUNG 1516/MD

562:
MAHATHIR-KESATUAN 5 KUALA LUMPUR

KATANYA, DI ANTARA PERKARA YANG SEHARUSNYA DIAMBIL PERHATIAN TERMASUK MASALAH 12,000 ORANG GURU SEMENTARA YANG TIDAK TERLATIH DI NEGARA INI.

PEMANGKU PRESIDEN KONGRES KESATUAN SEKERJA MALAYSIA (MTUC), ENCIK T. NARENDRAN, MENGGESE KERAJAAN MENIMBANGKAN DENGAN TELITI PERBEZAAN TANGGA GAJI DI KALANGAN 14,000 ORANG GURU.

PERSIDANGAN DUA HARI ITU YANG DIHADIRI OLEH KIRA-KIRA 60 ORANG WAKIL DARI SELURUH NEGARA AKAN MEMBINCANGKAN RANCANGAN MASA DEPAN KESATUAN ITU, MASALAH-MASALAH PELAJARAN DAN UNSUR-UNSUR IKTISAS PARA GURU. --BERNAMA 1520/MD

MAHATHIR-HANDICAPPED